

# 4

## PENAKSIRAN ZAKAT GAJI DAN PENDAPATAN: AMALAN DI PERLIS

*Shuhairimi Abdullah*

### PENDAHULUAN

---

Jika disingkap lembaran sejarah awal penubuhan pentadbiran Baitulmal Perlis, badan ini diasaskan oleh DYT al-Marhum Tuanku Syed Alwi Ibni al-Marhum Tuanku Syed Saffi Jamalullail Raja /Perlis pada 20 Rejab 1315 Hijrah. Pada peringkat awal, urusan zakat dikoordinasikan oleh Jawatankuasa Zakat dan Fitrah. Umumnya, pada awal fasa penubuhan, badan ini berbidang kuasa menguruskan kutipan zakat padi, kemudian diikuti dengan kutipan zakat fitrah bagi seluruh masyarakat Islam Perlis pada 1 Ramadan 1382 Hijrah.

Apabila kerajaan negeri memulakan usaha memperkasakan pentadbiran Baitulmal dengan menambahbaik struktur pentadbiran, maka Jawatankuasa Zakat dan Fitrah telah dijenamakan semula dan dikenali dengan Jawatankuasa Baitulmal. Secara praktisnya, Jawatankuasa Baitulmal berkuasa mentadbir dan menguruskan hal ehwal zakat, wakaf dan sumber am masyarakat Islam Perlis dengan lebih efektif dan sistematik. Secara prinsipnya, Baitulmal ditubuhkan di bawah peruntukan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perlis, Bil. 3/1964. Objektif penubuhan Baitulmal untuk mewujudkan sebuah institusi perbendaharaan Islam yang berfungsi mengurus dan mentadbir harta-harta zakat, wakaf dan sumber am menurut hukum syarak. Dalam masa yang sama, Baitulmal juga berfungsi sebagai pemangkin meningkatkan taraf ekonomi dan martabat ummah amnya.

Kewajipan menunaikan zakat merupakan hak yang perlu ditunaikan. Harta-harta yang diwajibkan zakat seperti pertanian, binatang ternakan, emas dan perak, wang simpanan, perniagaan, harta karun (rikaz) dan yang terkini gaji/pendapatan. Penulisan ini cenderung kepada perbincangan fuqaha' dan kaedah penaksiran zakat gaji dan pendapatan profesional merujuk kepada amalan di Perlis.

## DALIL BERKAITAN ZAKAT GAJI DAN PENDAPATAN PROFESIONAL

Fatwa yang dikeluarkan negeri Perlis berkenaan zakat gaji, mendefinisikan gaji sebagai:

*“Gaji adalah pendapatan yang diperolehi seseorang melalui pekerjaannya secara langsung atau tidak langsung (pencen, imbuhan dan sebagainya) dengan pihak lain sama ada Kerajaan, Swasta atau orang perseorangan.”*

Merujuk fatwa yang telah diputuskan, terma gaji ditafsirkan merangkumi imbuhan yang diterima oleh individu daripada pihak majikan sama ada kerajaan atau swasta atau bekerja sendiri, sama ada diterima secara langsung atau sebaliknya. Takrif ini boleh ditafsirkan juga sebagai bayaran yang diterima atas perkhidmatan melalui pekerjaan secara sepenuh masa atau separuh masa.

Ketentuan obligasi kewajipan zakat gaji bersumberkan kepada firman Allah SWT dalam Al-Quran yang bermaksud:

*“Ambillah (sebahagian) dari mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak buruk); dan doakanlah untuk mereka kerana sesungguhnya doa-doa itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”*

*(At-Taubah: 103).*

Dalil daripada Al-Quran ini disokong dengan hadis Nabi SAW yang bermaksud:

*“Sesungguhnya, Allah mewajibkan ke atas mereka sedekah pada harta-harta mereka, diambil dari orang-orang kaya dan diberikan kepada golongan fakir miskin mereka.”*

*(Riwayat al-Bukhari).*

Dalam korpus perbendaharaan istilah fiqh, al- Nawawi dalam kitabnya *al-Majmu`* memperincikan istilah pendapatan atau gaji dikenali sebagai *al-mal al-mustafad* iaitu perolehan baru yang bukan terhasil daripada perolehan sedia ada.

Perkembangan yang berlaku pada masa kini memperlihatkan bahawa isu tentang zakat gaji dan pendapatan profesional sering dipolemikkan